

SOALAN NO: 288

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN LIM LIP ENG

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada patut undang-undang baru bagi mengawal peraturan dan kelayakan penyelamat keleemasan (*lifeguards*) di kolam renang dan laut ditubuhkan dan statistik kematian lemas setiap tahun sejak 2011.

PR-1331-T68723

Tuan Yang Di Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) berpandangan ianya wajar ditetapkan satu peraturan yang boleh di ikuti oleh semua pihak bagi membendung masalah mati lemas di kolam renang dan laut. Walau bagaimanapun, peraturan atau undang-undang ini harus disediakan oleh kementerian yang berkaitan.

2. KSM melalui Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) hanya menawarkan khidmat latihan, perundingan dan nasihat kepada penyelamat keselamatan (*lifeguards*) untuk mengurangkan gejala risiko kematian lemas.

3. KSM juga tidak mempunyai hak ataupun kuasa untuk membentuk suatu undang-undang bagi mengawal peraturan dan kelayakan penyelamat keleemasan (*lifeguard*) di kolam renang atau laut.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Kementerian Sumber Manusia juga tidak mempunyai statistik mengenai kes kematian lemas.

SOALAN (289)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMBUT]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dasar-dasar yang lebih ketat, selain daripada Skim Rumah Pertamaku dan Program Perumahan 1Malaysia, untuk mengawal kenaikan keterlaluan harga rumah dan meredakan kebimbangan majoriti rakyat, khususnya yang berpendapatan RM3,000 ke bawah yang tidak mampu memiliki rumah sendiri.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal kenaikan harga rumah. Langkah-langkah tersebut menjurus kepada tiga matlamat utama iaitu:-

- (1) **Meningkatkan penawaran rumah dalam pasaran** supaya rakyat mempunyai lebih banyak pilihan untuk membeli rumah. Ia juga secara tidak langsung akan dapat memberi tekanan kepada pemaju untuk membina Rumah Mampu Milik, selaras dengan kehendak rakyat. Strategi penawaran rumah ini dilaksanakan melalui program 1 juta Rumah Mampu Milik yang dilaksanakan pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kerajaan Negeri serta pemaju perumahan swasta.

(2) Mengekang aktiviti spekulasi dalam pasaran harta tanah

tempatan dengan langkah-langkah seperti berikut:-

- (i) menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT);
- (ii) menaikkan harga jualan minimum hartanah yang dibeli oleh warga asing kepada RM1juta;
- (iii) mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan unit rumah secara terperinci kepada pembeli;
- (iv) melarang pelaksanaan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS);
- (v) mewajibkan pemaju melaporkan sekiranya terdapat pembelian hartanah secara pukal melebihi 4 unit dalam satu pemajuan yang dilakukan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan

- (vi) Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan panduan *Loan To Value* (LTV) yang mana peminjam hanya akan pembiayaan maksimum 70% sahaja ke atas pembelian rumah ketiga dan ke atas.

(3) Memberi kemudahan pembiayaan perumahan melalui langkah-langkah berikut:-

- (i) Skim Rumah Pertamaku;
- (ii) Pinjaman Perumahan Penjawat Awam melalui Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan;
- (iii) Skim *MyHome*; dan
- (iv) Skim Perumahan Belia.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015